



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Jawatankuasa Dasar Fiskal atau *Fiscal Policy Committee* (FPC) telah bermesyuarat buat julung kalinya bagi tahun 2018. Mesyuarat hari ini bertujuan meneliti kedudukan terkini fiskal dan ekonomi negara.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan turut dianggotai Timbalan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Menteri Kewangan YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Hal Ehwal Ekonomi YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Ketua Setiausaha Negara YBhg Datuk Seri Dr Ismail Bakar, Gabenor Bank Negara Malaysia YBhg Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan YBhg Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir dan Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi YBhg Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid.

Antara perkara utama yang dibincangkan ialah berkenaan sasaran pertumbuhan ekonomi serta strategi untuk memulihkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh dua tahun akan datang. Lanjutan daripada perbincangan ini, perkara berbangkit akan diperincikan dan diperhalusi dan hasilnya bakal diumumkan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 dan Belanjawan 2019.

Selain itu, Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (*Medium Term Fiscal Framework*) turut dibincangkan untuk memastikan kedudukan kewangan dan keupayaan fiskal kekal kukuh serta bagi mewujudkan ruang fiskal agar Kerajaan Persekutuan bersedia menghadapi sebarang ketidaktentuan risiko ekonomi global ekoran peperangan perdagangan di antara negara Amerika Syarikat dan China. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk mengimbangi kestabilan ekonomi dan langkah konsolidasi fiskal dengan mengurangkan hutang

dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang tinggi demi mencapai aspirasi Malaysia Baharu dan berusaha meningkatkan sumber hasil dan mengurangkan kos. Berteraskan prinsip kompetensi, akauntabiliti dan ketelusan, Kerajaan Persekutuan kekal komited untuk meningkatkan kebertanggungjawaban dalam pengurusan kewangan negara agar dapat mencapai matlamat meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat dan pertumbuhan ekonomi negara untuk semua.

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
15 Oktober 2018